

Glaukoma buta dalam senyap

Agak mengejutkan apabila statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan baru-baru ini menunjukkan 1.8 peratus daripada rakyat Malaysia dikesan mempunyai masalah glaukoma. Keadaan itu menjadikan masalah tersebut merupakan penyakit kedua tertinggi dalam bidang kesihatan mata. Mungkin ramai tidak mengetahui fakta bahawa glaukoma adalah salah satu penyebab utama kebutaan kekal yang menjejaskan hampir jutaan manusia di seluruh dunia.

Ia merupakan penyakit mata yang menyebabkan kerosakan pada saraf optik iaitu laluan yang membawa imej ke otak. Sekiranya tidak dirawat, penyakit ini akan merosakkan saraf optik seterusnya menyebabkan hilang penglihatan.

Menyedari akan tahap bahayanya penyakit tersebut, Pertubuhan Glaukoma Malaysia baru-baru ini telah menganjurkan Hari Glaukoma Sedunia. Diadakan di salah sebuah pusat beli-belah di Kuala Lumpur, acara tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin. Ketika ditemui selepas majlis tersebut, Rosnah berkata, tahap kesedaran di kalangan rakyat Malaysia mengenai penyakit itu masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain. Sehubungan itu, katanya, masyarakat di negara ini perlu membuat pemeriksaan mata secara berkala sebagai usaha mencegah daripada mendapat penyakit itu.

“Glaukoma adalah sejenis penyakit senyap yang boleh menyebabkan buta secara perlahan-lahan dan jika tidak dikesan dan dirawat dengan segera, seseorang itu akan menjadi buta sepenuhnya.” Dan anda bayangkan dalam 27 juta penduduk Malaysia, hanya 21 peratus daripada jumlah tersebut yang tahu apa itu glaukoma dan 70 peratus lagi langsung tidak tahu mengenai penyakit tersebut. “Tiada ubat yang mampu menyembuhkan penyakit ini sepenuhnya selain rawatan pencegahan apabila ia dapat dikesan lebih awal,” ujarnya. Tambah Rosnah, penyakit glaukoma boleh terjadi kepada sesiapa sahaja malah jika dilihat trend hari ini, penyakit yang kebiasaannya berlaku kepada individu yang berumur 45 tahun dan ke atas kini mula menyerang golongan remaja semuda 23 tahun.

Jelas beliau lagi, penyakit glaukoma hari ini merupakan satu masalah yang serius dan kadar pertambahan mereka yang menghidap penyakit tersebut adalah mengikut kadar populasi penduduk Malaysia. Katanya lagi, kemudahan bagi merawat pesakit glaukoma akan diperluaskan ke hospital awam di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Dalam pada itu, perlu diingatkan bahawa glaukoma terjadi tanpa rasa sakit dan secara perlahan-lahan pesakit boleh hilang penglihatan tanpa disedari. Oleh itu adalah mustahak ujian saringan mata dilakukan ke atas pesakit terutamanya yang mempunyai sejarah keluarga. Tujuan utama rawatan adalah untuk mengekalkan penglihatan dan rawatan perubatan yang betul serta sempurna dapat merawat serta mengawal glaukoma. Faktor keturunan juga dilihat faktor yang berkait rapat dan mempengaruhi kebarangkalian seseorang itu menghidap glaukoma. Jika ada ahli keluarga anda pernah menghidap glaukoma jenis kronik, ahli keluarga lain juga harus disaring lebih awal.

Gejala glaukoma di kalangan bayi baru lahir dapat dilihat dengan kewujudan lapisan kornea atau mata hitam yang tidak jernih seperti mata bayi biasa. Saiz mata juga mungkin membesar kerana tekanan mata meningkat di dalam mata. Kanak-kanak berumur beberapa tahun pula mungkin mengalami gejala silau dan kadang kala membenamkan muka ke bantal untuk mengelak mata terkena cahaya. Perlu difahami bahawa glaukoma masih boleh dirawat dengan pelbagai jenis ubat titis yang mudah digunakan dan mempunyai kesan sampingan minimum. Jika tekanan mata tidak dapat dipulihkan dengan ubat titis, pembedahan harus dilakukan.